

10 OCT 1996

Ong - Tahanan

TIADA LAGI TAHANAN POLITIK DI MALAYSIA, KATA KA TING

TAIPING, 10 Okt (Bernama) -- Malaysia kini tidak lagi mempunyai tahanan politik berikutan sikap liberal kerajaan sejak beberapa tahun lepas, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri, Ong Ka Ting, hari ini.

Beliau berkata sikap liberal Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sentiasa menjaga kepentingan negara lebih daripada kepentingan politik telah membolehkan keadaan seperti itu berlaku.

"Dalam beberapa tahun ini, apa-apa tahanan yang dilakukan kerajaan adalah atas sebab kepentingan keselamatan negara," katanya kepada pemberita selepas lawatan ke Tempat Tahanan Perlindungan Kamunting, di sini.

Ong berkata pusat tahanan Kamunting kini mempunyai 185 penghuni dan daripada jumlah itu seramai 171 orang termasuk 33 kakitangan kerajaan ditahan kerana penglibatan mereka dalam pemalsuan dokumen seperti kad pengenalan, pasport dan permit kerja.

Manakala 14 penghuni ialah bekas anggota kumpulan Al-Arqam dan 44 orang lagi merupakan warganegara asing, katanya.

Antara penghuni terkenal yang pernah ditahan di tempat tahanan Kemunting itu termasuk Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang ketika itu seorang pemimpin pelajar, Ketua Pembangkang Parlimen Lim Kit Siang dan aktivis sosial Dr Chandra Muzaffar.

Ong juga menyifatkan sebagai tidak berasas dakwaan sesetengah pihak bahawa langkah kerajaan menahan orang tanpa perbincaraan merupakan satu tindakan tidak menghormati hak asasi manusia.

Beliau berkata kerajaan tetap mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba memudaratkan ketenteraman negara bagi memastikan keselamatan rakyat terjamin.

Mengenai aktiviti pemalsuan kad pengenalan, Ong berkata kerajaan telah berjaya menumpaskan beberapa sindiket dan merampas produk mereka yang berada dalam pasaran.

Menurutnya kerajaan juga bercadang mengkaji semula kualiti kad pengenalan dengan kemungkinan menggunakan teknologi yang lebih canggih pada masa depan.

Bagaimanapun, usaha membaharui kad pengenalan semua rakyat Malaysia tetap diteruskan sehingga 31 Dis. ini, katanya.

Sementara itu, Ong berkata Kementerian Dalam Negeri akan mengkaji semula Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966 untuk memperkenalkan kompaun bagi pertubuhan-pertubuhan yang gagal menghantar penyata tahunan.

Ini kerana kerajaan tidak berhasrat membatalkan pendaftaran mana-mana pertubuhan yang gagal menghantar penyata tahunan mereka seperti yang termaktub dalam akta yang sedia ada.

Ong berkata kira-kira 27,700 pertubuhan telah berdaftar dengan pejabat pendaftaran pertubuhan di seluruh negara. Daripada jumlah itu, lebih 10,000 pertubuhan tidak menghantar penyata tahunan untuk tempoh sekurang-kurangnya setahun manakala lebih daripada 4,000 pertubuhan gagal berbuat demikian untuk tiga tahun berturut-turut.

"Ini bermakna 40 peratus pertubuhan di negara ini tidak mematuhi peruntukan Akta," katanya.

Ong menasihati kepimpinan semua pertubuhan supaya menghantar penyata itu secepat mungkin kerana sistem pengkomputeran telah memudahkan pejabat pendaftaran pertubuhan mengesan mana-mana pertubuhan yang belum menghantar penyata mereka.

Menurutnya penyata tahunan itu harus meliputi butir-butir seperti

senarai nama ahli jawatankuasa pertubuhan, pindaan perlembagaan (sekiranya ada) dan perubahan alamat pertubuhan. -- BERNAMA
ASM NAK